

# Cukai: PM ingatkan golongan kaya

BH 8 NOV 1984

PETALING JAYA, — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad malam ini memberi amaran bahawa kerajaan mungkin mengenakan semula kadar cukai yang berat ke atas golongan berpendapatan tinggi jika pengorbanannya tidak dihargai.

Perdana Menteri berkata, kerajaan telah membuat pengorbanan politik yang besar apabila ia menurunkan kadar cukai pendapatan supaya separas dengan negara-negara jiran.

"Jika pengorbanan itu tidak dihargai dan kesannya jangkang, pelaburan serta persaingan bagi kalangan Malaysia tidak menjadi kenyataan, kerajaan terpaksa menimbang mengenakan semula kadar cukai yang berat ke atas pendapatan tinggi seperti sebelum belanjawan baru.

"Pengurus-pengurus mestilah memberi perhatian kepada perkara ini dan menurunkan kos mereka," tegasnya ketika berucap di majlis jamuan fellowship Institut Perunding Pengurusan Malaysia di sini.

Datuk Seri Dr. Mahathir dianugerahkan Fellowship Kehormatan pertama oleh institut itu.

Perdana Menteri berkata, rakyat sering menyatakan bahawa kaum petani dan nelayan mempunyai pemikiran substidi.

"Sebenarnya, pekilang pekilang Malaysia adalah lebih teruk. Mereka sentiasa meminta pelbagai jenis subsidi daripada kerajaan," ujarnya.

## Subsidi

Katanya, kekurangan kemahiran pengurusan nampak jelas sebaik sahaja Malaysia memasuki bidang industri.

Sektor itu hanya dapat berkhidmat kepada pasaran dalam negeri jika kerajaan memberi perlindungan. Tetapi, dalam pada itu, banyak industri telah gulung tikar.

Menurutnya, sebahagian besar industri Malaysia menjauhi pasaran luar negeri kerana mereka adalah pengeluar kos tinggi walaupun bahan mentah mudah didapati dalam negeri.

"Satu sebab kita menjadi pengeluar kos tinggi ialah kita tidak dapat menurunkan kos. Seperti biasa, apabila kita mendapati kita tidak dapat bersaing di segi harga, kita meminta pertolongan kerajaan," ujarnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, adalah menjadi tugas perunding-perunding pengurusan untuk membantu perusahaan-perusahaan mewujudkan struktur pengurusan yang baik dan cekap.

Katanya, adalah menjadi tugas mereka juga untuk menafsirkan bukan sahaja dasar-dasar kerajaan tetapi juga rasional di sebalik dasar-dasar itu.

Beliau berkata, kerajaan sering menerima kritik bahawa ia terlalu mengawal perniagaan. "Sebenarnya, penlagalah yang sering menuntut lebih banyak campurtangan kerajaan, sebahagiannya disebabkan mereka mahu dilindungi dan sebahagian lagi kerana ada kalangan mereka yang tidak tertib."

Perdana Menteri menegaskan, kerajaan bersedia menarik diri jika mereka dapat mengawal diri dan bertata-tertib, tetapi di Malaysia ini telah

berkali-kali terbukti ia tidak mungkin berlaku.

Beliau berkata, kerajaan tidak berhasrat melihat satu bahagian kecil masyarakat menjadi kaya raya. "Sebagai sebuah kerajaan demokrasi, kami bertanggungjawab kepada suara terbanyak dan mereka amnya adalah miskin.

Jika kami membantu golongan kaya, ia adalah disebabkan kami mahu memerah kekayaan yang mereka perolehi supaya dapat kami agihkan kepada yang lain," tegasnya dengan menambahkan bahawa pemerhatian itu mestilah dilakukan dengan adil agar tidak membunuh mereka.

"Sesungguhnya, kita perlu menggalakkan mereka untuk mengeluarkan lebih banyak hasil supaya kita mendapat lebih untuk diagihkan," jelasnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, beliau menegaskan perkara itu kerana fikiran-fikiran yang bijak di negara ini seringkali tidak dapat menghargai perkara-perkara yang mudah.

"Mereka melihat niat serong dan ketidakadilan setiap kali kerajaan melaksanakan sesuatu dan seperti Don Quixote, mereka bangun menentang kinclir-kincir angin cip-taan mereka.

"Ini adalah satu pembaziran tenaga pada waktu negara memerlukan guru-guru untuk mengajar nilai-nilai baik dan etika kerja baik.

t a m b a h n v a .